

# Keperihatinan yang Luntur Terhadap Warga Emas

*Surina Nayan*

*Malaysia sememangnya dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa yang menghormati adat resam serta agama masing-masing. Di samping itu juga negara kita amat dikenali dengan rakyatnya yang berbudi bahasa tinggi serta peramah. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini kita dapati terdapat banyak berita yang dipaparkan di dada akhbar mengenai sifat murni menghormati sesama sendiri yang kian luntur di kalangan masyarakat kita pada hari ini. Lebih ketara lagi ialah lunturnya sifat keprihatinan masyarakat terhadap keperluan serta keinginan warga emas di sekeliling kita. Terdapat banyak faktor yang mendorong kepada pengabaian mereka yang menjerumus kepada peningkatan peruntukan serta penambahan bilangan penghuni warga emas di rumah orang tua. Pengabaian terhadap kebajikan mereka juga memberi kesan yang tidak baik kepada keluarga, masyarakat dan negara amnya. Dengan sebab itu langkah-langkah perlu diambil agar isu pengabaian warga emas ini tidak berlarutan tanpa mengambil apa-apa tindakan bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan saling mengambil berat.*

## **Pengenalan**

Kempen 'Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni' telah dirasmikan oleh Perdana Menteri kita Y.A.B Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 11 Januari 2005 yang lalu. Persoalannya kenapa perlu diwujudkan kempen yang seumpama ini? Adakah kerana masyarakat kita terutama sekali golongan muda sudah tidak mempunyai nilai-nilai murni dalam diri mereka atau sudah semakin lunturkah sifat-sifat murni pada amalan hidup seharian mereka? Sepatutnya kempen sebegini tidak perlu diwujudkan memandangkan masyarakat Malaysia sememangnya terkenal dengan sifat-sifat murni serta berbudi bahasa. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini kita dapat melihat terdapat banyak iklan-iklan di kaca televisyen serta dada-dada akhbar tentang perlu wujudnya sifat-sifat murni ini dalam setiap diri masyarakat Malaysia. Lunturnya sifat-sifat murni ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor antaranya seperti faktor persekitaran, keluarga serta diri individu tersebut.

Dalam membincangkan isu nilai-nilai murni ini, kita tidak dapat lari daripada membincangkan tentang isu warga tua atau warga emas yang sering kali dipinggirkan oleh masyarakat pada hari ini. Isu warga emas yang dipinggirkan bukanlah isu baru. Ini adalah kerana isu ini merupakan antara isu-isu yang sememangnya sering diperkatakan. Persoalannya ialah wajarkah warga emas ini diabaikan? Untuk menjawab persoalan ini, dihuraikan beberapa faktor yang menyumbang kepada pengabaian warga emas serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjaga kebajikan mereka serta kesan-kesannya akibat daripada fenomena ini.

## **Ke Mana Arah Tuju Warga Emas? Di Manakah Pembelaan?**

Di dalam era menuju ke arah negara maju, banyak pembangunan telah dijalankan. Tidak kurang pula yang bakal dijalankan oleh kerajaan dalam mempertingkatkan taraf hidup penduduk di negara ini. Akhir-akhir ini kita dapat lihat banyak bangunan-bangunan pencakar langit didirikan, kemudahan pengangkutan yang canggih yang memudah dan mempercepatkan perjalanan diadakan. Di samping itu juga terdapat sistem rangkaian telekomunikasi yang canggih dan berteknologi tinggi yang membolehkan kita berhubung sesama kita hanya melalui satu alat kecil yang boleh dibawa ke mana-mana iaitu telefon mudah alih. Ini hanya merupakan sebahagian daripada kemudahan yang diadakan pihak pemerintah untuk kesejahteraan hidup rakyat. Di dalam mengejar pembangunan, kesejahteraan hidup rakyat adalah antara faktor yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, jika kita lihat di sekeliling kita, amat sedih untuk dinyatakan di sini di mana terdapat pertambahan peruntukan daripada pihak kerajaan terhadap pembinaan rumah warga emas dan juga peningkatan terhadap peruntukan kewangan untuk penjagaan warga emas di negara ini. Perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku. Ini adalah kerana kebajikan warga emas adalah menjadi tanggungjawab keluarga terdekat mereka selain daripada masyarakat. Mereka tidak sepatutnya diabaikan. Kenapa keadaan sebegini wujud di dalam sebuah negara Islam membangun seperti Malaysia? Keadaan ini perlu diperbetulkan dan adalah menjadi tanggungjawab semua pihak di dalam memastikan kebajikan warga emas ini terjaga.

## **Siapakah Warga Emas?**

Terdapat berbagai definisi yang diberikan kepada warga emas. Di antaranya ialah, "Warga tua ialah warga yang berusia melebihi 60 tahun. Warga tua juga lebih dikenali sebagai 'warga usia emas' (<http://www.kempadu.gov.my/jkm/>). Manakala Sabitha (1996) di dalam rencananya yang bertajuk 'Penelitian ke atas

perkembangan warga tua dalam mencapai dasar masyarakat penyayang' pula memberikan definisi warga emas sebagai mereka yang berusia 60 tahun dan lebih. Selain daripada itu menurut Chong (1992), sesebuah negara dikatakan menghadapi masalah penuaan penduduk sekiranya kadar penduduk yang berusia 65 tahun dan ke atas melebihi kadar 7%. Melihat kepada berbagai definisi yang diberikan oleh beberapa penulis, di sini dapat disimpulkan bahawa warga emas merupakan warga usia emas di dalam lingkungan umur antara 60 tahun dan ke atas.

## **Faktor-faktor Penyumbang kepada Pertambahan Warga Emas**

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada pertambahan bilangan warga emas. Di antara faktor-faktor tersebut menurut Salma dan Fauziah (1998) ialah pertamanya ia merujuk kepada faktor peningkatan jangka hayat. Ini merujuk kepada tahap kehidupan manusia yang lebih lama. Faktor kedua ialah lebih ramai manusia terus hidup ke peringkat dewasa dengan sebab berkurangnya kadar kematian bayi dan kanak-kanak. Faktor penyumbang lain ialah perkadaran orang tua meningkat akibat penurunan kadar kesuburan yang menyumbang kepada pengurangan pertumbuhan penduduk secara keseluruhan. Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa jangka hayat yang lama serta berkurangnya kadar kematian menyebabkan kadar bilangan penduduk tua bertambah di negara ini.

## **Siapakah Mereka (Warga Emas) di Mata Masyarakat?**

Soalan ini patut ditujukan kepada semua. Ini adalah kerana semua peringkat lapisan masyarakat mempunyai peranan tertentu di dalam menjaga kebajikan mereka agar tidak diabaikan. Siapa mereka di mata kita adalah bergantung kepada tanggapan dan pandangan kita terhadap mereka. Adakah mereka merupakan bebanan atau tanggungjawab kepada kita? Tepuk dada, tanyalah selera! Walau bagaimanapun, sebagai seorang yang beragama, bertanggungjawab dan prihatin serta mempunyai sifat kemanusiaan, kita perlulah menjaga kebajikan mereka. Ini adalah kerana tanpa kita siapalah mereka (merujuk kepada kehidupan mereka sekarang yang mana mereka amat memerlukan kita kerana mereka tidak lagi terdaya menguruskan diri). Di dalam usia yang lanjut dan tidak berkeupayaan, mereka amat memerlukan kita di samping mereka di dalam menguruskan hari-hari yang mendatang.

## **Faktor-faktor Pengabaian Warga Emas**

Kenapa warga emas di negara ini diabaikan dan dibiarkan tanpa jagaan yang sempurna terutamanya oleh kaum keluarga terdekat? Antara faktor-faktor pengabaian warga emas di negara ini ialah kerana:

- a) Kesibukan tugas harian terutamanya anak-anak di dalam mencari kesenangan hidup. Mereka lebih mementingkan kerjaya dan kemewahan hidup lebih daripada ibu bapa sendiri. Ada di antara anak-anak hanya pulang menjenguk ibu bapa hanya setahun sekali iaitu pada hari perayaan dan jarang sekali bertanya khabar serta keperluan mereka.
- b) Anak-anak merasakan satu bebanan jika sekiranya tumpuan yang lebih diberikan kepada ibu bapa mereka. Ramai juga anak-anak menganggap adalah menjadi satu perkara yang leceh menjaga orang tua kerana mereka mempunyai banyak kerehnan mungkin disebabkan oleh faktor sakit mental, lupa ingatan dan sakit tua.
- c) Keluarga terdekat merasakan bukan menjadi tanggungjawab mereka menjaga warga emas kerana ada di antara warga emas ini masih mempunyai anak-anak yang mampu menjaga kebajikan mereka.
- d) Terlalu ghairah mengejar kemajuan tanpa mengambil kira warga emas yang sudah tidak berkeupayaan untuk menyumbang kepada pembangunan negara. "Masyarakat moden kini lebih mengejar kebendaan dan kekayaan daripada nilai kasih sayang. Gangguan emosi, pengabaian, ketidakselesaian dan perselisihan faham dengan keluarga menjadi punca warga tua memilih untuk tinggal di institusi kebajikan kerajaan." (Wan Muhd. Zaini, 1999).
- e) Terdapat Rumah-rumah Seri Kenangan yang dipercayai oleh waris warga emas dapat memberi jagaan dan perhatian yang lebih sempurna di sana. Antara Rumah-rumah Seri Kenangan yang ada di negara ini ialah Rumah Penyayang Baitul Hanan, Perlis, Penda Orang-orang Tua Belantik, Kedah, Rumah Harapan Orang Tua Gulau, Kedah dan Rumah Orang Tua Charis, Kuala Lumpur.
- f) Terdapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan untuk warga emas di negara ini yang sedikit sebanyak mempengaruhi fikiran waris warga emas bahawa mereka tidak perlu bersusah payah menghulur sumbangan. Berikut adalah jumlah warga emas yang menerima bantuan dari kerajaan dari tahun 2001 hingga 2003 mengikut negeri.

## *Keprihatinan yang Luntur Terhadap Warga Emas*

### Bantuan Orang Tua

Bilangan Kes Bantuan Orang Tua dan Jumlah Bantuan (RM) Mengikut Negeri

Bil	Negeri	2001	2002	2003
		Kes/RM	Kes/RM	Kes/RM
1	Johor	862/1,050,075	1,088/1,520,885	1,369/1,977,830
2	Kedah	861/1,096,610	1,012/1,473,285	1,031/1,690,065
3	Kelantan	1,986/1,832,150	2,358/4,212,890	2,449/3,608,455
4	Melaka	554/718,260	592/964,150	753/1,152,550
5	Negeri Sembilan	831/1,070,565	840/1,322,704	1,217/1,475,145
6	Pahang	1,043/1,242,785	1,191/1,818,165	1,508/2,381,590
7	Perak	796/965,477	773/829,880	819/1,300,888
8	Perlis	297/318,600	307/495,450	316/547,560
9	Pulau Pinang	596/762,835	801/1,089,585	945/1,474,386
10	Selangor	993/1,346,225	990/1,755,500	1,092/1,714,200
11	Terengganu	608/782,124	690/1,021,950	708/1,143,725
12	W.P. Kuala Lumpur	592/679,230	660/1,054,215	692/1,184,490
13	W.P. Labuan	38/46,890	38/40,905	36/65,475
	Jumlah	10,057/11,911,826	11,340/17,599,564	12,935/19,716,358

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2005).

- g) Tiada kesedaran terhadap betapa pentingnya warga emas di dalam masyarakat. Ini adalah kerana mungkin generasi sekarang sudah lupa akan pengorbanan yang mereka lakukan. Warga emas telah memberi banyak jasa kepada masyarakat keseluruhannya. Mereka telah melaksanakan berbagai perkara sejak mereka masih muda lagi sehingga mereka mencapai usia emas. Mereka telah melahirkan anak-anak mereka untuk menjadi pemimpin pada masa kini. Mereka juga telah bekerja dengan tulang empat kerat mereka lantaran untuk memajukan negara ini. Mereka ini merupakan antara orang-orang yang hidup pada zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, antara mereka ada yang pernah berjuang menentang penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Selain daripada itu, mereka juga telah mencorakkan masyarakat zaman sekarang iaitu anak-anak mereka sendiri untuk meneruskan perjuangan mereka membangunkan negara ini. Oleh itu, kita perlu menghormati mereka setimpal dengan pengorbanan yang telah mereka berikan.
- h) Kurang atau tiada nilai agama/nilai murni dalam diri generasi muda sekarang. Melihat kepada keadaan sekeliling sekarang, dapat disimpulkan bahawa

generasi muda pada masa ini kekurangan nilai murni terutama menghormati orang yang lebih tua daripada mereka. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya didikan agama yang diterima dari ibu bapa. Selain daripada itu juga, individu tersebut juga tidak berusaha untuk memperbaiki diri dengan mewujudkan nilai-nilai murni di dalam dirinya. Ini merupakan sebahagian daripada punca berlakunya pengabaian terhadap golongan warga emas.

- i) Tiada pendedahan awal diberikan kepada anak-anak terhadap betapa pentingnya menghargai warga emas. Ini terjadi mungkin kerana anak-anak sudah tidak mempunyai datuk dan nenek. Ini menyukarkan mereka untuk berinteraksi dengan warga emas dengan lebih berkesan. Keadaan ini juga mungkin terjadi kepada anak-anak yatim yang sudah tidak mempunyai sesiapa selain daripada warden-warden asrama tempat mereka tinggal.
- j) Kesenangan yang dinikmati juga merupakan faktor penyumbang kepada pengabaian warga emas. Keadaan ini wujud kerana generasi muda tidak lagi memerlukan sokongan warga emas. Ini adalah kerana mereka percaya wang adalah segala-galanya dan mereka tidak lagi perlu merujuk kepada warga emas di dalam membuat sesuatu keputusan.
- k) Wujud pusat jagaan harian sepertimana pusat jagaan harian untuk kanak-kanak. Ibu dan bapa dihantar ke pusat jagaan itu sebagaimana mereka menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan harian.

## **Kesan yang Mungkin Timbul Hasil daripada Pengabaian Warga Emas**

Terdapat banyak kesan-kesan negatif yang akan menjejaskan keharmonian hidup bekeluarga dan bermasyarakat sekiranya fenomena pengabaian warga emas ini dibiarkan berlanjutan. Antara kesan-kesan tersebut ialah:

- a) Kesan terhadap diri warga emas itu sendiri. Warga emas yang diabaikan akan menyesali kehidupan hari tuanya. Beliau juga akan merasa tertekan yang mana hasilnya akan membawa kepada aktiviti yang di luar jangkaan seperti membunuh diri. Beliau juga akan menyesali akan pengorbanan yang telah dilakukan serta sumbangan yang diberikan kepada keluarga dan masyarakat.
- b) Kesan terhadap institusi kekeluargaan di mana akan hilang rasa hormat sesama sendiri. Masing-masing membawa haluan yang memberi kebaikan kepada diri sendiri. Ini dapat kita lihat di dalam sesebuah keluarga yang mana setiap anggotanya sibuk membawa haluan masing-masing dalam mengejar aktiviti dunia. Warga emas di dalam keluarga tersebut akan terpinggir. Keperluannya diabaikan serta keluhan serta rintihannya tidak didengari. Akibatnya akan hilang rasa hormat terhadap mereka.

### *Keperihatinan yang Luntur Terhadap Warga Emas*

- c) Kesan terhadap masyarakat. Masyarakat akan memandang warga emas ini sebagai bebanan dan bukan lagi sebagai tanggungjawab. Mereka akan melabel warga emas sebagai warga yang suka berleter dan memebel oleh kerana teguran-teguran mereka yang bersifat memberi peringatan dan nasihat. Akibatnya segala pendapat dan pandangan mereka tidak diendahkan.
- d) Kesan terhadap negara. Sekiranya wujud banyak rumah penjagaan serta rumah orang tua, ini akan menimbulkan bebanan terhadap perbelanjaan negara. Di samping itu juga, ianya akan memberi pandangan yang tidak manis kepada pihak luar terutamanya para pelancong asing. Mereka akan beranggapan bahawa masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang tidak prihatin serta lepas tangan terhadap tanggungjawab.
- e) Kesan kepada agama. Akan lunturlah sifat berkasih sayang serta kasih mengasihani yang mana amat dititikberatkan oleh agama. Apabila sifat murni agama tidak diendahkan, ini akhirnya akan membawa kepada keruntuhan moral diri individu tersebut. Kesannya akan menjerumuskan seseorang itu kepada aktiviti seperti memukul ibu sendiri yang telah uzur sehingga menemui ajal akibat daripada perasaan panas baran.
- f) Kesan kepada budaya dan adat resam. Adat resam serta budaya murni masyarakat akan tercemar sekiranya warga emas ini diabaikan. Sememangnya adat resam serta budaya semua kaum serta bangsa dan agama pada asasnya menekankan kepada sifat berbudi bahasa serta mengambil berat akan diri seseorang. Lunturnya sifat ini akan membawa kepada perpecahan yang mana akan memberi kemudahan kepada nilai murni budaya serta adat resam sesuatu bangsa itu sendiri.
- g) Kesan terhadap ekonomi negara. Pertambahan peruntukan untuk menjaga kebajikan warga emas ini terutamanya yang tinggal di rumah penjagaan orang tua akan membebankan kerajaan. Sepatutnya perbelanjaan itu ditanggung oleh kaum keluarga warga emas itu sendiri dan bukannya diserahkan kepada pihak kerajaan. Sepatutnya peruntukan ini digunakan bagi projek pembangunan lain yang dapat memberi kebaikan bersama seperti projek pertanian secara berkelompok yang mana hasilnya akan memberi kebaikan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek tersebut.
- h) Kesan kepada kehidupan sosial bermasyarakat. Masyarakat kita akan menjadi seperti masyarakat di Barat yang mana kebanyakan warga emasnya tinggal bersendirian. Ini amatlah bertentangan dengan kehidupan sosial masyarakat kita yang mempunyai nilai-nilai murni iaitu hidup di dalam kelompok masyarakat yang mana golongan muda menjaga golongan tua serta tidak mengabaikan mereka.
- i) Kesan terhadap tingkah laku serta persepsi masyarakat terhadap warga emas. Sekiranya warga emas ini diabaikan, maka akan wujud satu masyarakat yang mana mereka menganggap warga emas adalah bebanan. Anggota masyarakat juga tidak mengendahkan warga emas dan mereka tidak diberi

keutamaan dalam mendapatkan sesuatu perkhidmatan sama ada di sektor awam ataupun tidak. Sistem giliran 'siapa cepat, dia dapat' akan dipraktikkan yang mana warga emas tidak diberi keutamaan.

## **Langkah-langkah yang Perlu Diambil bagi Memastikan Kebajikan Warga Emas Tidak Terabai**

Sebagaimana yang telah dibincangkan, kita dapat lihat bahawa terdapat berbagai faktor yang menyumbang kepada pengabaian warga emas. Keadaan yang ada sekarang perlulah diperbetulkan bagi menjamin kesejahteraan hidup semua khususnya warga emas. Ini adalah kerana di dalam masyarakat sekarang kita adalah saling bergantung antara satu sama lain. Warga emas memerlukan kita dan sebaliknya kita memerlukan warga emas bagi melengkapkan kitaran hayat kita di dunia ini. Dengan adanya sikap saling bergantung ini, dapat mewujudkan keharmonian, kesejahteraan dan kesefahaman dalam masyarakat. Bagi merealisasikan keadaan yang disebutkan, antara langkah-langkah yang patut diambil ialah:

- a) Mendidik anak-anak supaya menghormati orang tua khususnya datuk dan nenek. Dengan adanya sifat menghormati datuk dan nenek mereka secara tidak langsung anak-anak akan menghormati warga emas yang lainnya. Di dalam situasi ini, ibu dan bapa perlulah menjadikan diri mereka contoh terbaik untuk diikuti oleh anak-anak mereka. Tutur bicara dan perlakuan terhadap warga emas perlulah dijaga agar hati mereka tidak dilukai. Ini adalah kerana warga emas amat sensitif dan sudah menjadi tanggungjawab semua untuk menjaga hati mereka agar tidak terguris
- b) Mengadakan kempen kesedaran kepada semua terhadap betapa pentingnya menjaga kebajikan warga emas serta betapa pentingnya mereka di dalam masyarakat. Kempen ini secara tidak langsung akan mengingatkan kita semua yang kadang-kala cuai serta alpa terhadap mereka.
- c) Perlulah dihapuskan kepercayaan bahawa Rumah Seri Kenangan merupakan tempat yang terbaik bagi warga emas mendapatkan penjagaan kesihatan dan perhatian yang sempurna. Sepatutnya perhatian, jagaan dan kasih sayang datang dari kaum keluarga terdekat bukannya dari orang lain, tambahan pula dari mereka yang langsung tiada pertalian darah dengan warga tua tersebut. Namun, yang pasti, Menurut Wan Muhd. Zaini (1999), "Rumah Seri Kenangan bukan tempat 'pembuangan warga tua.' Rumah Seri kenangan adalah tempat 'perlindungan sementara' warga tua yang tersisih."
- d) Menanam sifat kasih sayang di dalam diri setiap individu. Sifat kasih sayang perlu wujud dalam diri setiap individu. Kasih sayang ini merangkumi kasih sayang terhadap semua iaitu sesama insan, tanggungjawab terhadap alam



- ciptaan tuhan, terhadap binatang dan alam sekitar. Dengan adanya sifat kasih sayang ini ianya akan merapatkan lagi tali persaudaraan sesama insan. Di samping itu juga alam sekitar akan terpelihara dan secara tidak langsung keadaan harmoni akan wujud di dalam masyarakat.
- e) Pengorbanan serta jasa warga emas perlu dihargai dan diingati. Dengan cara ini kita tidak akan mudah lupa diri dan sedikit sebanyak dapat menyedarkan kita tentang betapa besarnya pengorbanan serta kasih sayang yang telah mereka curahkan.
  - f) Mengadakan aktiviti-aktiviti semasa yang melibatkan warga emas. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan akan dapat merapatkan hubungan antara warga emas dan masyarakat amnya. Secara tidak langsung warga emas dapat mencurahkan pendapat mereka. Dengan itu, mereka akan merasa dihargai dan dapatlah dikikis sedikit sebanyak anggapan serta perasaan bahawa mereka tidak lagi diperlukan terutamanya di dalam membuat apa-apa keputusan untuk kebaikan setempat.
  - g) Mewujudkan Persatuan Warga Emas di kediaman berdekatan. Dengan wujudnya persatuan ini dapatlah warga emas meluahkan pendapat mereka serta mencurahkan bakti terhadap warga setempat di dalam program-program seperti kelas bacaan Al-Quran, kelas Bardah, Berzanji serta aktiviti-aktiviti lainnya yang memerlukan kemahiran serta kepakaran mereka. Dengan cara ini mereka akan merasa mereka diperlukan serta dihargai.
  - h) Golongan muda perlu memahami naluri orang tua. Sepertimana yang kita ketahui warga emas tidak meminta layanan seperti orang kenamaan. Mereka hanya inginkan perhatian dan kasih sayang serta gurau senda anak menantu dan cucu. Oleh itu, golongan muda seharusnya belajar memahami perasaan warga emas secara mendalam. Perlu diingat bahawa suatu hari nanti kita juga akan melalui saat-saat sebagaimana yang mereka lalui.

## **Kesimpulan**

Setelah meneliti dan mengamati apa yang telah dibincangkan mengenai warga emas ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa mereka perlulah dihormati, dikasihi, disayangi, dijaga dengan penuh kasih sayang serta ditatang agar hati mereka tidak dilukai. Jangan sesekali mengharapkan pihak-pihak tertentu untuk menjaga kebajikan mereka. Tetapi kita perlulah dahulu mengambil langkah menjaga mereka. Dengan itu maka akan wujudlah masyarakat yang prihatin, harmoni serta berkasih sayang sesama sendiri. Sebagai kesimpulannya, sama-samalah kita menghayati ajaran serta pesanan yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W. yang mengajar kita supaya bertoleransi dalam kehidupan bermasyarakat di mana kehidupan bermasyarakat tidak hanya mengejar keuntungan peribadi, akan tetapi keharmonian dan kesejahteraan bersama yang perlu dititikberatkan. Sikap prihatin anggota masyarakat yang berlainan kedudukan dan kebolehan

itu amat penting dalam membina keharmonian dan menghindar kerosakan di dalam masyarakat. Tanggungjawab dan kerjasama yang sempurna merupakan tangga kejayaan sesebuah masyarakat mencapai kesejahteraan hidup. Sebaliknya masyarakat yang ahli-ahlinya seperti 'enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing' serta tidak prihatin terhadap tanggungjawab akan hampir kepada keruntuhan dan kehidupan kacau-bilau.

## **Renungan/Penutup**

Sebagai penutup kepada rencana ini, adalah amat baik sekiranya kita merenung kepada petikan di bawah yang mana dapat mengingatkan kita kepada betapa perlunya menjaga kebajikan warga emas terutamanya ibu bapa kita sendiri.

Abul-Laits berkata: "Andaikan Allah S.W.T. tidak menyebut kewajipan berbakti kepada kedua orang tua itu dalam Al-Quran dan tidak ditekankan nescaya dapat dimengertikan oleh akal bahawa taat kepada kedua orang tua itu wajib, kerana itu diwajibkan seorang yang berakal harus mengerti kewajibannya terhadap kedua orang tuanya, lebih-lebih Allah S.W.T. telah menekankan dalam semua kitab yang diturunkan iaitu Taurat, Injil, Zabur dan Al-Quran, juga telah diwahyukan kepada semua Nabi, Rasul bahawa redha Allah S.W.T. tergantung pada redha kedua orang tua dan murka Allah S.W.T. tergantung pada murka kedua ayah bonda." ([http://planet.time.net.my/Sepang/tmsb/2004\\_09\\_19\\_arblogger.html](http://planet.time.net.my/Sepang/tmsb/2004_09_19_arblogger.html))

Berdasarkan kepada maksud hadis di atas, kita sebagai anak amatlah dituntut untuk mendapat keredhaan daripada ibu bapa di dalam membuat sesuatu selagi mereka tidak menyuruh kita membuat sesuatu yang bertentangan dengan suruhan agama kita iaitu agama Islam yang murni. Melanggari perintah yang baik serta tidak mengendahkan larangan mereka bermakna kita telah menderhaka kepada mereka. Sekiranya kita menderhaka, Allah akan menyejatkan balasan daripadaNya.

Oleh itu sama-samalah kita menjaga kebajikan mereka. Sekiranya kebajikan mereka terjaga, maka akan wujudlah masyarakat penyayang serta rumah ku syurga ku yang sering diwar-warkan oleh pihak kerajaan. Sebagai penutupnya, bagi masyarakat Islam di Malaysia, sikap prihatin amat penting di dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Di samping itu juga, kemakmuran, keharmonian dan kebahagiaan masyarakat khususnya dapat dicapai sekiranya semua ahli masyarakat bersama-sama bersikap prihatin antara satu sama lain. Seperti mana kita sedia maklum, generasi Islam umat terdahulu boleh berbuat demikian kenapa kita yang sekarang serba serbinya sempurna dari segi kemudahan prasarananya tidak dapat berbuat demikian. Jawapannya hanya terdapat dalam diri kita setiap individu.

## **Rujukan**

- Chong, P.K. (1992). Profil penuaan penduduk Malaysia. *Jurnal Kebajikan*, vol.14. Dikeluarkan Mac 22, 2005, dari <http://www.kempadu.gov.my/jkm>
- Hak kedua ibu bapa. Dikeluarkan Mac 22, dari [http://planet.time.net.my/sepang/tmsb/2004\\_09\\_19\\_arblogger.html](http://planet.time.net.my/sepang/tmsb/2004_09_19_arblogger.html)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2005). Bantuan orang tua. Dikeluarkan April 09, 2005, dari <http://www.jkm.gov.my>
- Sabitha, M. (1996). Penelitian ke atas warga tua dalam mencapai dasar masyarakat penyayang. *Jurnal Kebajikan*, vol. 18, no. 1. Dikeluarkan Mac 22, 2005, dari <http://www.kempadu.gov.my/jkm>
- Salma, I. & Fauziah, S. (1998). Keperluan dan corak tempat tinggal bagi warga tua. *Jurnal Kebajikan*, vol. 20, no. 1. Dikeluarkan Mac 22, 2005, dari <http://www.kempadu.gov.my/jkm/>
- Wan Muhd. Zaini, H. (1999). Menghargai jasa warga tua. *Dewan Budaya*. Dikeluarkan April 02, 2005, dari <http://www.kempadu.gov.my/jkm/>

---

SURINA NAYAN, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Perlis, Arau. Email: Surina Nayan@perlis.uitm.edu.my